

Panduan Prosedur Perkahwinan Islam di Malaysia



Panduan Prosedur Perkahwinan Islam di Malaysia

Oleh: Ahmad Syahrin

Pusat Kursus Pra Perkahwinan Putrajaya AL Shahir Management

1. Pengenalan
2. Persediaan Sebelum berkahwin
3. Kursus Pra Perkahwinan
4. Wali bagi pihak perempuan
5. Jenis-jenis pernikahan yang memerlukan Perintah Mahkamah Syariah
6. Ujian HIV
7. Permohonan kebenaran berkahwin
8. Pendaftaran perkahwinan
9. Profil AL Shahir Management
10. Senarai nama dan alamat Ketua Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia
11. Senarai Semak

1. Pengenalan

Tahniah kepada anda yang akan berkahwin. Artikel ini ditulis sebagai panduan kepada semua bakal pengantin yang tertanya-tanya apa yang perlu dilakukan sebelum berkahwin.

2. Persediaan Dokumen

Sediakan satu folder untuk anda menyimpan dokumen peribadi anda. Sebaiknya sediakan dokumen dibawah:

- Salinan Kad Pengenalan (min 10)
- Salinan Surat Beranak (min 3)
- Salinan Surat Nikah Ibubapa (min 3)
- Salinan Kad Pengenalan wali(min 5)
- Gambar bersongkot/bertudung saiz pasport (min 5)
- Salinan Sijil Kursus pra perkahwinan (min 5)
- Perintah bertulis dari mahkamah mengenai wali hakim, poligami/ nikah bawah umur dan lain-lain.
- Kebenaran kedutaan jika warga asing.
- Kebenaran majikan bagi anggota Polis dan Tentera.
- Surat Pengakuan bujang dari majikan (lelaki sahaja)
- Surat cerai, jika pernah berkahwin.

3. Kursus Pra Perkahwinan

Kursus Pra perkahwinan ialah kursus penyediaan bagi bakal-bakal pengantin. Kursus ini WAJIB diambil bagi bakal pengantin. Kursus Pra perkahwinan ini dianjurkan oleh Jabatan Agama Negeri dan juga pihak swasta. Kursus ini mengandungi beberapa modul dan selalunya mengambil masa 12 jam. Bayaran kursus selalunya sebanyak RM 80.00 seorang.

Apabila seseorang itu tamat kursus, Sijil Kursus Pra Perkahwinan akan diberikan. Sijil ini tidak mempunyai tamat tempoh dan boleh digunakan di semua Negeri tidak kira dimana ianya diambil.

Para penceramah yang diundang adalah mereka yang bertauliah dan berpengalaman dalam Hukum Islam dan kebanyakannya bekerja di Jabatan Agama Negeri dan JAKIM. Kursus Pra perkahwinan adalah ruang paling sesuai untuk anda mengemukakan segala persoalan mengenai perkahwinan anda. Persoalan tentang wali hakim, anak tidak sah taraf, prosedur perkahwinan akan dijelaskan oleh para penceramah anda.

Untuk mendapatkan maklumat Pusat kursus, semak surat khabar dan internet. Sila Hubungi Pusat kursus untuk mendapat maklumat lanjut tentang kursus.

AL Shahir Management turut menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan di Kompleks Kejiranan Presint 16, Putrajaya. (Tel: 019-2876979/019-3911310)

4. Wali bagi pihak perempuan.

Susunan Wali Perempuan yang sah mengikut Hukum Syara' adalah seperti berikut :-

1. Bapa Kandung
2. Datuk Sebelah Bapa Ke Atas
3. Adik Beradik Lelaki Seibu-sebapa
4. Adik Beradik Lelaki Sebapa
5. Anak Saudara Lelaki Seibu-sebapa
6. Anak Saudara Lelaki Sebapa
7. Anak Lelaki Kepada Anak Saudara Lelaki Seibu-sebapa
8. Anak Lelaki Kepada Anak Saudara Lelaki Sebapa
9. Bapa Saudara Sebelah Bapa Seibu-sebapa
10. Bapa Saudara Sebelah Bapa Sebapa
11. Datuk Saudara Sebelah Bapa Seibu-sebapa Dengan Datuknya
12. Datuk Saudara Sebelah Bapa Sebapa Dengan Datuknya
13. Moyang Saudara Sebelah Bapa Seibu-sebapa Dengan Moyangnya
14. Moyang Saudara Sebelah Bapa Sebapa Dengan Moyangnya
15. Anak Lelaki Bapa Saudara Sebelah Bapa Seibu-sebapa (Sepupu lelaki)
16. Anak Lelaki Bapa Saudara Sebelah Bapa Sebapa (Sepupu lelaki)
17. Cucu Lelaki Bapa Saudara Sebelah Bapa Seibu-sebapa
18. Cucu Lelaki Bapa Saudara Sebelah Bapa Sebapa
19. Anak Datuk Saudara Sebelah Bapa Seibu-sebapa Dengan Datuknya
20. Anak Datuk Saudara Sebelah Bapa Sebapa Dengan Datuknya
21. Wali Hakim

Bagi Wali Hakim, sila Hubungi Pejabat Jabatan Agama Negeri. Isi Permohonan Wali / Wali Waqalah. Anda akan dihubungi Pihak Jabatan Agama dan bergantung pada keadaan, anda mungkin dikehendaki hadir di Mahkamah Syariah.

5. Jenis-jenis pernikahan yang memerlukan Perintah Mahkamah Syariah

1. Pernikahan poligami
2. Pernikahan dibawah umur
3. Pernikahan janda berhias (yang masih dalam iddah)
4. Pernikahan muallaf tanpa wali
5. Pernikahan anak tidak sah taraf
6. Pernikahan anak angkat (wali tidak diketahui)
7. Pernikahan perempuan yang tiada wali (sebab nasab/keturunan dan tiada yang layak menjadi wali mengikut hukum syarak)
8. Pernikahan bagi perempuan yang walinya ghaib (tidak diketahui sama ada masih hidup atau sudah mati)
9. Pernikahan mana-mana perempuan yang mana terbukti walinya diketahui tempat tinggalnya berada (melebihi 2 marhalah) tetapi sangat sukar untuk dihubungi oleh mana-mana alat komunikasi dan bertulis)
10. Pernikahan atas sebab 'Wali enggan untuk menjadi wali'.

Proses mahkamah mengambil masa satu minggu sehingga tiga bulan bergantung kepada kes. Pihak Pejabat Agama akan sentiasa membantu anda dan selalunya peguam tidak perlu dilantik.

6. Ujian HIV

Semua Jabatan Agama Negeri telah mewajibkan bakal pengantin untuk menjalani Ujian Kesihatan HIV. Ujian mestilah dilakukan di Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan Kerajaan. Ujian di hospital dan klinik swasta TIDAK diterima. Borang ujian boleh didapati di Pejabat Agama Negeri.

Keputusan ujian adalah SULIT. Sampul surat ujian hanya boleh dibuka oleh Jabatan Agama Negeri sahaja.

Bagi individu yang keputusannya HIV POSITIF, nasihat dan kaunseling akan diberikan.

7. Permohonan Kebenaran Berkahwin.

Perhatian: Peraturan-peraturan berkahwin adalah berbeza di antara Jabatan Agama Negeri berlainan. Pastikan anda menyemak dahulu dengan Jabatan Agama berdekatan. Panduan di bawah ini sebagai rujukan anda sahaja.

Terdapat banyak jenis Permohonan kebenaran berkahwin. Pastikan diri anda dalam kategori yang betul. Jenis Permohonan seperti berikut.

- a) **Kategori 1:** Lelaki dan perempuan dari satu Negeri dan akan bernikah berkahwin di Negeri yang sama. (Contoh: Lelaki dan perempuan dari Kuala Lumpur dan akan bernikah di Kuala Lumpur)
- b) **Kategori 2:** Lelaki dari Negeri berlainan dan akan bernikah di Negeri tempat perempuan. (Contoh: Lelaki dari Kuala Lumpur, perempuan dari Negeri Sembilan dan akan bernikah di Negeri Sembilan)

- c) **Kategori 3:** Lelaki dan perempuan dari Negeri berlainan dan bernikah di Negeri yang lain. (Contoh: Lelaki dari Kuala Lumpur, perempuan dari Negeri Sembilan dan akan bernikah di Selangor)
- d) **Kategori 4:** Berkahwin dengan warga asing.

Nota: Dapatkan taraf 'Pemastautin' jika alamat di Kad Pengenalan anda berbeza dengan alamat anda sekarang. Dapatkan surat pengesahan dari majikan atau gunakan bil telefon/air/elektrik yang mengandungi nama, alamat anda. Sangat berguna bagi mereka yang tinggal dan bekerja diluar negeri asal.

Kategori 1: Lelaki dan perempuan dari satu Negeri dan akan bernikah berkahwin di Negeri yang sama. (Contoh: Lelaki dan perempuan dari Kuala Lumpur dan akan bernikah di Kuala Lumpur)

1. Dapatkan borang kebenaran berkahwin di Pejabat Agama Negeri terdekat atau berjumpa dengan Imam Jurunikah di Masjid berdekatan kariah anda. Satu borang untuk setiap seorang lelaki dan perempuan.
2. Pihak lelaki mengisi borang tersebut.
3. Dapatkan pengesahan bujang dari majikan. (lelaki)
4. Dapatkan pengesahan anak kariah dari Imam di masjid kariah anda. (lelaki).
5. Pihak perempuan akan mengisi borang.
6. Kenal pasti wali anda dan penuhkan ruang untuk wali di dalam borang.
7. Pastikan salinan dokumen yang dikehendaki cukup.
8. Lampirkan bersama borang dari pihak lelaki yang lengkap diisi.
9. Hantar borang ke Pejabat Agama. Pejabat agama akan menimbangkan permohonan anda. Jika tidak diluluskan, Pejabat Agama akan menghubungi anda untuk menyelesaikan masalah yang ada.
10. Jika diluluskan, simpan Kebenaran Perkahwinan anda di tempat yang selamat. Imam Jurunikah akan menyemaknya sebelum upacara pernikahan anda.

Kategori 2: Lelaki dari Negeri berlainan dan akan bernikah di Negeri tempat perempuan. (Contoh: Lelaki dari Kuala Lumpur, perempuan dari Negeri Sembilan dan akan bernikah di Negeri Sembilan)

1. Dapatkan borang kebenaran berkahwin di Pejabat Agama Negeri terdekat atau berjumpa dengan Imam Jurunikah di Masjid berdekatan kariah anda. Satu borang untuk setiap seorang lelaki dan perempuan.
2. Pihak lelaki mengisi borang tersebut.
3. Dapatkan pengesahan bujang dari majikan. (lelaki)
4. Dapatkan pengesahan anak kariah dari Imam di masjid kariah anda. (lelaki).
5. Hantarkan borang Permohonan lelaki ke Pejabat Agama Negeri dan mohon 'Kebenaran Nikah Luar Negeri'.
6. Pihak perempuan akan mengisi borang.
7. Kenal pasti wali anda dan penuhkan ruang untuk wali di dalam borang.
8. Pastikan salinan dokumen yang dikehendaki cukup.
9. Lampirkan bersama borang dari pihak lelaki yang lengkap diisi.
10. Hantar borang ke Pejabat Agama. Pejabat agama akan menimbangkan permohonan anda. Jika tidak diluluskan, Pejabat Agama akan menghubungi anda untuk menyelesaikan masalah yang ada.

11. Jika diluluskan, simpan Kebenaran Perkahwinan anda di tempat yang selamat. Imam Jurunikah akan menyemaknya sebelum upacara pernikahan anda.

Kategori 3: Lelaki dan perempuan dari Negeri berlainan dan bernikah di Negeri yang lain. (Contoh: Lelaki dari Kuala Lumpur, perempuan dari Negeri Sembilan dan akan bernikah di Selangor)

1. Dapatkan borang kebenaran berkahwin di Pejabat Agama Negeri terdekat atau berjumpa dengan Imam Jurunikah di Masjid berdekatan kariah anda. Satu borang untuk setiap seorang lelaki dan perempuan.
2. Pihak lelaki mengisi borang tersebut.
3. Dapatkan pengesahan bujang dari majikan. (lelaki)
4. Dapatkan pengesahan anak kariah dari Imam di masjid kariah anda. (lelaki).
5. Hantarkan borang Permohonan lelaki ke Pejabat Agama Negeri dan mohon 'Kebenaran Nikah Luar Negeri'.
6. Pihak perempuan akan mengisi borang.
7. Kenal pasti wali pihak perempuan dan penuhi ruang untuk wali di dalam borang.
8. Pastikan salinan dokumen yang dikehendaki cukup.
9. Lampirkan bersama borang dari pihak lelaki yang lengkap diisi.
10. Hantarkan borang Permohonan perempuan ke Pejabat Agama Negeri dan mohon 'Kebenaran Nikah Luar Negeri'.
11. Pejabat agama akan menimbangkan permohonan anda. Jika tidak diluluskan, Pejabat Agama akan menghubungi anda untuk menyelesaikan masalah yang ada.
12. Isi borang di Pejabat Agama Negeri di mana majlis pernikahan akan dilangsungkan dan lampirkan Kebenaran Nikah Luar Negeri lelaki dan perempuan. Mohon Kebenaran perkahwinan.
13. Jika diluluskan, simpan Kebenaran Perkahwinan anda di tempat yang selamat. Imam Jurunikah akan menyemaknya sebelum upacara pernikahan anda.

Kategori 4: Berkahwin dengan warga asing.

1. Sila Hubungi kedutaan pihak berkaitan untuk maklumat lanjut dan kebenaran yang diperlukan
2. Hubungi juga pihak imigresen untuk maklumat lanjut dan kebenaran yang diperlukan
3. Borang permohonan dan dokumen-dokumen ini haruslah dikemukakan kepada Penolong Pendaftar Nikah di mana wanita tersebut bermastautin.
4. Borang permohonan perkahwinan haruslah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut :-
 - Salinan pasport atau salinan kad pengenalan (lelaki dan perempuan);
 - Surat kebenaran dari kedutaan/konsulat negara pemohon;
 - Surat pengesahan pasport daripada Jabatan Imigresen Malaysia;
 - Surat Akuan Cerai atau surat Akuan Kematian (jika pernah berkahwin atau kematian pasangan sebelumnya);
 - Surat Kebenaran Poligami dari Mahkamah Syariah di Malaysia (jika berpoligami);
 - Surat wakalah wali bagi perempuan (jika wali tidak dapat hadir); dan
 - Salinan Sijil Kursus Perkahwinan.

Ini adalah untuk mendapatkan kelulusan bernikah dari Pendaftar Nikah.

Sekiranya bakal isteri adalah penduduk tetap negara ini atau pemegang Kad Pengenalan Merah, dokumen yang lain harus disertakan. Pemohon juga mestilah mengemukakan salinan Kad Pengenalan Merah dan permit masuk, Surat Pengesahan dari Jabatan Pendaftaran Negara atau pengesahan permit masuk dari Jabatan Imigresen.

Kedua-dua situasi di atas adalah bagi warga asing yang mempunyai pas masuk secara sosial atau perniagaan.

Situasi adalah berbeza bagi warga asing yang dibenarkan masuk ke negara ini melalui permit pekerjaan. Perlu dimaklumkan bahawa pekerja asing yang memegang permit kerja adalah tidak dibenarkan memohon untuk berkahwin di negara ini. Sekiranya perkahwinan ini berlangsung dengan tidak mematuhi undang-undang maka ia akan memberi implikasi kepada permit kerja yang telah diberi kepadanya. Hanya warganegara asing yang mempunyai kelayakan masuk secara sosial atau perniagaan sahaja yang boleh membuat permohonan tersebut.

Nota: Dapatkan taraf 'Pemastautin' jika alamat di Kad Pengenalan anda berbeza dengan alamat anda sekarang. Dapatkan surat pengesahan dari majikan atau gunakan bil telefon/air/elektrik yang mengandungi nama, alamat anda. Sangat berguna bagi mereka yang tinggal dan bekerja diluar negeri asal.

PENTING! Jangan berlengah-lengah untuk membuat Permohonan berkahwin. Isikan borang dan dokumen lampiran 6-3 bulan sebelum hari pernikahan. Masa yang sesuai untuk membuat Permohonan di Pejabat Agama adalah 3 bulan sebelum hari pernikahan.

8. Pendaftaran Perkahwinan

Selepas tamat majlis pernikahan anda, anda perlu mendaftarkan perkahwinan anda di Pejabat Agama Negeri dimana dilangsungkan. Perkahwinan perlu didaftarkan dalam masa 7 hari.

Bagi perkahwinan yang dilangsungkan diluar negara/negeri, hendaklah didaftarkan sebaik sahaja pulang ke tanah air. Dalam tempoh 6 bulan selepas berkahwin.

PENTING! Perkahwinan anda **WAJIB** didaftarkan mengikut undang-undang. Ini bagi menjaga kebajikan anda dan zuriat anda. Denda dan penjara boleh dikenakan jika melanggar undang-undang.

Bayaran pendaftaran perkahwinan berbeza mengikut negeri. Sijil perkahwinan dan kad akuan nikah akan diberikan. Simpan sijil nikah anda di tempat selamat dan bawa kad akuan nikah anda ke mana sahaja anda berada bersama pasangan anda.

9. Profil AL Shahir Management

Al Shahir Management ialah sebuah pengurusan perniagaan (No. Pendaftaran: 001473991-A) mengendalikan dan menguruskan berbagai kursus dan latihan terutama dalam bidang dakwah dan pengurusan Islam. Pengurusan perniagaan ini ditubuhkan oleh Allahyarham Datuk Hj.Mohamad Shahir Abdullah Beliau adalah Bekas Ketua Pengarah JAKIM dan bekas Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Beliau telah meninggal dunia pada 1 Mac 2007. (Al-Fatihah)

Al Shahir Management telah menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan sejak tahun 2004 dan telah membantu lebih ribuan bakal pengantin mendapatkan sijil Kursus Pra Perkahwinan.

Kini, Kursus pra Perkahwinan dianjurkan di Kompleks Kejiranan Presint 16, Putrajaya. Hubungi kami untuk maklumat waktu dan urusan pendaftaran.

PUSAT KURSUS PRA PERKAHWINAN PUTRAJAYA
AL SHAHIR MANAGEMENT
TEL: 019-2876979
www.alshahir.com.my
www.kursuskahwin.my



10. Senarai nama dan alamat Ketua Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia

<p><u>Negeri Sembilan</u> Tuan Selamat bin Paigo,PJK Pemangku Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Jalan Dato' Hamzah 70000 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus. Tel : 06-7622692/ 7622775 Faks : 06-7631395</p>	<p><u>Sabah</u> En Amri Aliaman bin Suratman Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah Tingkat 3,9,10 Blok A,Wisma MUIS Jalan Sembulan, Peti Surat 11666 88818 Kota Kinabalu Sabah. Tel : 088- 262073 Faks : 088- 239415</p>
<p><u>Terengganu</u> Y.Bhg. Dato' Hj Shaikh Harun b. Shaikh Ismail Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Pusat Pentadbiran Islam ,Kompleks Sri Iman 20676 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman. Tel : 09 - 6252525 Faks : 09 - 6235185</p>	<p><u>Kedah</u> Y. Bhg Dato' Syeikh Uzir b. Haji Baharom, DSDK,AMK,AMN,BCK Yang Dipertua Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Bangunan Wan Mat Saman Jalan Raja 05676 Alor Setar Kedah Darul Aman. Tel : 04- 7333288 Faks : 04- 7338333</p>
<p><u>Johor</u> Y.Bhg. Dato' Hj. Mohd Zail Bin Baroh, D.P.M.J, P.I.S Pengarah Jabatan Agama Islam Johor Kompleks Islam Jalan Masjid Abu Bakar 80990 Johor Bharu Johor Darul Takzim Tel : 07- 2282900 Faks : 07- 2239062</p>	<p><u>Pahang</u> Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang Jalan Masjid 26600 Pekan Pahang. Tel : 09- 4211111 Faks : 09- 4221781</p>
<p><u>Perak</u> Y.Bhg Dato'Haji Jamri b. Hj. Sury Pengarah Jabatan Agama Islam Perak Kompleks Islam Darul Ridzuan Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab 30000 Ipoh Perak Darul Ridzuan. Tel : 05- 2558148 Faks : 05- 2555512</p>	<p><u>Kuala Lumpur</u> Y.Bhg Dato' Haji Che Mat b. Che Ali Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kompleks Pusat Islam Malaysia Jalan Perdana 50519 Kuala Lumpur, Tel : 03- 22749333 Faks : 03- 22732904</p>
<p><u>Pulau Pinang</u> Tuan Haji Sazali b. Haji Hussein Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang Lebuh Pantai 10300 Pulau Pinang. Tel : 04- 2502801 Faks : 04- 2502810</p>	<p><u>Selangor</u> Y.Bhg Dato' Haji Mohammed Khusrin b. Haji Munawi Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Ting.1,Bangunan Sultan Idris Shah No.2,Persiaran Masjid Bukit SUK Seksyen 5, 40676 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03- 55143411 Faks : 03- 55103368</p>

<p><u>Kelantan</u> Tn Hj. Aba Aziz bin Abd Rahman Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan Kompleks Islam Darulnaim Lundang Jalan Sultan Yahya Petra 15150 Kota Bharu Kelantan Darul Naim. Tel : 09- 7443633 Faks : 09- 7446685</p>	<p><u>Melaka</u> En.Jaafar Bin Abu Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Melaka Tingkat 6, Bangunan Graha Maju 75300 Jalan Graha Maju Melaka. Tel : 06- 2848970/ 2836867 Faks : 06- 2834022</p>
<p><u>Sarawak</u> Y. Bhg Datu Misnu b. Hj. Taha Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak Ting 4 & 5, Bangunan Mahkamah Syariah Jalan Satok 93676 Kuching Sarawak. Tel : 082- 245050/ 429811 Faks : 082- 258145</p>	<p><u>Perlis</u> Tn Hj Abdul Malik bin Hussin Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis Menara Kemajuan 01000 Kangar Perlis Tel : 04- 9794401 Faks : 04- 9761344</p>
<p><u>Labuan</u> Tn.Hj. Ambok Chening b. Abdul Hamid Ketua Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (Cawangan Labuan) Peti Surat 82197 87029 Labuan. Tel : 087- 423587/ 415311 Faks : 087- 417595</p>	

11. Senarai Semak

No.	Nama dokumen	Adakah dokumen diperlukan?	Tanda (√) Jika ada
1	Salinan Kad Pengenalan (min 10)	YA - TIDAK	
2	Salinan Surat Beranak (min 3)	YA - TIDAK	
3	Salinan Surat Nikah Ibubapa (min 3)	YA - TIDAK	
4	Salinan Kad Pengenalan wali(min 10)	YA - TIDAK	
5	Gambar bersongkot/bertudung saiz pasport (min 5)	YA - TIDAK	
6	Salinan Sijil Kursus Pra perkahwinan (min 3)	YA - TIDAK	
7	Perintah bertulis dari mahkamah mengenai wali hakim, poligami/ nikah bawah umur dan lain-lain.	YA - TIDAK	
8	Kebenaran kedutaan jika warga asing.	YA - TIDAK	
9	Kebenaran majikan bagi anggota Polis dan Tentera.	YA - TIDAK	
10	Surat Pengakuan bujang dari majikan (lelaki sahaja)	YA - TIDAK	
11	Surat Pemastautin jika alamat kad pengenalan berbeza dengan alamat sekarang	YA - TIDAK	
12	Sijil Perakuan Cerai dan salinan	YA - TIDAK	
13	Salinan Sijil Mati dan Sijil Nikah atau Surat Beranak Anak (Balu/ Duda)	YA - TIDAK	
14	Keputusan ujian pemeriksaan kesihatan HIV	YA - TIDAK	
15	Surat kebenaran daripada pihak lelaki bagi pernikahan di kariah perempuan	YA - TIDAK	
16	Perintah bertulis daripada Mahkamah Syariah	YA - TIDAK	
17	Perintah bertulis daripada Mahkamah Syariah	YA - TIDAK	
18	Surat Kebenaran Poligami	YA - TIDAK	
19	Dokumen Memeluk Islam	YA - TIDAK	
20	Borang Permohonan Berkahwin yang lengkap	YA - TIDAK	
21	Borang Nikah yang lengkap	YA - TIDAK	
22			
23			
24			
25			